

Dasar Privasi kami

Terakhir diubah suai: 12 Dis 2014. Ringkasan perubahan boleh dirujuk di bahagian bawah Dasar Privasi ini.

Matlamat Dasar Privasi ini adalah untuk memberikan gambaran keseluruhan tentang amalan privasi yang dilaksanakan oleh AVG sehubungan dengan tapak web yang dikendalikan oleh AVG termasuk www.avg.com ("Tapak") dan sebarang produk dan/atau perkhidmatan yang mungkin ditawarkan oleh AVG kepada anda ("Produk AVG"), melainkan terma dan syarat yang disertakan dengan Produk AVG tersebut menyatakan sebaliknya. Jika anda menggunakan AVG PrivacyFix, sila ambil perhatian bahawa tambahan yang terdapat [di sini](#) akan diguna pakai untuk kegunaan AVG PrivacyFix anda.

[Komitmen kepada Privasi](#)

[Apakah Maklumat Yang Dikumpulkan Oleh AVG Technologies?](#)

[Adakah Kami Menggunakan Kuki atau Pengenal Pasti Tanpa Nama yang Lain?](#)

[Dengan Siapa Kami Kongsikan Maklumat Anda?](#)

[Hak dan Tanggungjawab](#)

[Buletin Kemas Kini dan Komunikasi Lain AVG](#)

[Pautan kepada Syarikat Lain](#)

[Tapak Web Jenama Bersama](#)

[Keselamatan](#)

[Perubahan Dasar Privasi](#)

Komitmen kepada Privasi

AVG Technologies menyediakan produk dan perkhidmatan termasuk keselamatan Internet, pengoptimuman prestasi, privasi peribadi dan perlindungan identiti serta kami tahu bahawa anda mengambil berat tentang bagaimana maklumat anda digunakan dan dikongsi. AVG menjalankan perniagaan keselamatan dalam talian untuk membantu melindungi anda. Ada kalanya kami memerlukan akses ke data tertentu pada PC, tablet, telefon mudah alih anda atau peranti lain yang berkaitan. Kami menghormati hak anda kepada privasi. Kami ingin memastikan bahawa anda memahami jenis maklumat yang kami kumpulkan mengenai anda, bagaimana ia digunakan dan perlindungan yang kami gunakan untuk melindunginya. Tujuan Dasar Privasi ini, AVG atau AVG Technologies bermaksud AVG Technologies NV atau mana-mana syarikat lain yang dikawal, mengawal atau di bawah kawalan bersama dengan AVG Technologies (setiap satu "Anggota Gabungan").

[Kembali ke Atas](#)

Apakah Maklumat yang Dikumpulkan Oleh AVG Technologies?

- [Maklumat Peribadi yang Tidak Boleh Dikenal Pasti](#)
- [Bagaimanakah Kami Menggunakan NPII yang Kami Kumpulkan?](#)
- [Maklumat Peribadi yang Boleh Dikenal Pasti](#)
- [Bagaimanakah Kami Menggunakan PII yang Kami Kumpul?](#)

Jenis maklumat yang kami kumpulkan dan simpan bergantung kepada interaksi anda dengan Tapak kami dan/atau Produk AVG kami. Secara umumnya, terdapat dua kategori yang berlainan bagi maklumat yang akan kami kumpulkan:

Maklumat Peribadi yang Tidak Boleh Dikenal Pasti

Maklumat Peribadi yang Tidak Boleh Dikenal Pasti ("PII" merujuk kepada maklumat yang tidak boleh digunakan untuk mengenal pasti individu yang tertentu. NPII yang boleh dikumpulkan oleh AVG merangkumi, tanpa had, maklumat mengenai Produk AVG dan cirinya yang dipasang, data berkenaan potensi ancaman malware kepada peranti anda dan sasaran ancaman tersebut, termasuk nama fail, cincangan kriptografi, vendor, saiz, cop tarikh, maklumat tentang titik semakan peranti anda, yang boleh termasuk laluan, fail dan nama aplikasi, salinan aplikasi yang dianggap berniat jahat atau dijangkiti termasuk maklumat mengenai tingkah laku aplikasi sedemikian, tetapan dan konfigurasinya, seperti kunci daftaran yang berkaitan, tarikh dan masa, alamat internet tapak web yang anda paut terus ke Tapak kami, nama fail atau perkataan yang anda cari dan pelayar yang anda gunakan untuk mengakses ke Tapak kami, jenis peranti, ID iklan dan rangkaian mudah alih (pembawa mudah alih) yang anda gunakan, perisian pihak ketiga yang dipasang pada peranti dan tetapan yang berkaitan, kadar pemasangan dan nyahpasang, bahasa, parameter teknikal dan pengeluaran peranti, maklumat keselamatan peranti (atribut kata laluan, tahap penyulitan). AVG mengumpul NPII dan berkongsi dengan Anggota Gabungannya semasa anda menggunakan Produk AVG kami dan semasa anda melawati Tapak. Ini direkodkan melalui "kuki" standard, lihat Pernyataan Kuki kami.

Kami boleh mengumpul maklumat tertentu secara automatik (apabila anda menggunakan Produk AVG atau melawati Tapak kami), jika data ini diklasifikasikan sebagai PII (melainkan dan seperti yang diterangkan di bawah), kami akan menjadikan data ini tanpa nama untuk mengeluarkan maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti semasa atau selepas proses pengumpulan dan menyimpannya dalam pangkalan data. Sebarang data, termasuk PII, yang telah kami jadikan tanpa nama dengan cara ini akan dianggap NPII untuk tujuan Dasar Privasi ini.

[Kembali ke Atas](#)

Bagaimanakah Kami Menggunakan NPII yang Kami Kumpulkan?

AVG mungkin menggunakan NPII untuk tujuan pembinaan profil data tanpa nama dan/atau perkongsian dengan rakan kongsi kami. AVG boleh menyimpan data ini untuk tempoh sehingga lima tahun. Kami juga menggunakan NPII dalam cara yang terhad untuk pentadbiran dan operasi Tapak kami serta secara umumnya, meningkatkan kualiti pengalaman secara menyeluruh dengan maklumat yang kami sediakan di Tapak kami. AVG boleh berkongsi NPII atau data tanpa nama dengan pihak ketiga untuk mempertingkatkan Produk AVG kami dan pengalaman anda menggunakannya. Melalui lawatan Tapak atau pemasangan dan penggunaan Produk AVG kami, anda bersetuju dengan pengumpulan dan penggunaan NPII kami seperti yang digariskan dalam Dasar Privasi ini.

Maklumat Peribadi yang Boleh Dikenal Pasti

Data peribadi dan maklumat ("Maklumat Peribadi yang Boleh Dikenal Pasti" atau "PII") merujuk kepada maklumat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti individu yang masih hidup. Kami boleh mendapatkan PII daripada anda melalui dua jenis interaksi (secara manual yang dihantar oleh anda dan secara automatik yang dikumpulkan oleh kami):

A. MAKLUMAT YANG ANDA HANTAR KEPADA KAMI SECARA MANUAL

Kami mengumpulkan PII yang anda berikan kepada kami di Tapak kami atau menerusi Produk AVG kami termasuk nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon anda dan jika anda membayar melalui kad kredit, maklumat akaun anda. Ini berlaku apabila anda:

- Membuat akaun pengguna, membuat pesanan, mendaftar produk
- Meminta sokongan produk atau perkhidmatan lain
- Minta maklumat tentang Produk AVG
- Menyertai tinjauan

B. MAKLUMAT YANG DIKUMPUL SECARA AUTOMATIK DAN DISIMPAN MELALUI INTERAKSI

Semasa anda berinteraksi dengan Produk atau Tapak AVG, kami mungkin mengekalkan sebahagian atau kesemua rekod mengenai beberapa atau semua jenis maklumat berikut:

- Alamat Protokol Internet ("IP") anda
- Nombor telefon, nombor SIM, nombor pelanggan dan ID Peranti - IMEI, MEID
- Tarikh dan masa, negara, lokasi geografi berdasarkan GPS/Wi-Fi/maklumat setempat rangkaian komunikasi.

Apabila kami mendapat PII daripada anda, kami mengendalikan maklumat itu mengikut Dasar Privasi ini dan undang-undang yang berkaitan. Anda boleh membuat keputusan untuk tidak meneruskan sebarang aktiviti yang meminta PII.

Dengan memasang atau menggunakan Produk AVG kami, anda dengan ini bersetuju dengan pengumpulan dan penggunaan PII anda seperti yang digariskan dalam Dasar Privasi ini.

[Kembali ke Atas](#)

Bagaimanakah Kami Menggunakan PII yang Kami Kumpul?

Secara umumnya PII yang kami kumpulkan digunakan untuk membantu kami membangunkan perlindungan dan prestasi terbaik untuk anda, proses permintaan dan transaksi, memberitahu anda mengenai mengenai peluang yang kami fikir akan menarik minat anda, menyesuaikan pengalaman anda dengan Produk AVG dan pada Tapak kami serta untuk memahami keperluan anda supaya kami boleh menyediakan produk dan perkhidmatan yang paling sesuai. Contohnya, kami boleh menggunakan PII anda untuk membantu kami:

- Membekalkan anda dengan maklumat mengenai peringatan virus, naik taraf produk, produk baharu, perkhidmatan, penyelidikan mengenai idea produk atau penambahbaikan masa depan
- Menghantar surat berita, e-mel bermaklumat atau maklumat lain yang mempunyai sifat pengumuman perniagaan
- Membuat kandungan yang relevan kepada anda
- Memberikan peluang istimewa yang mungkin menarik minat anda, termasuk tawaran yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan pihak ketiga
- Menyediakan mesej perkhidmatan ke peranti anda
- Membantu kami menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih baik dan tersuai untuk memenuhi keperluan anda
- membenarkan anda membeli dan memuat turun produk, mendapatkan akses kepada perkhidmatan atau jika tidak, terlibat dalam aktiviti yang anda pilih
- Membantu anda mencari perisian, perkhidmatan atau maklumat produk yang penting kepada anda dengan cepat
- membenarkan anda terlibat dalam ciri interaktif perkhidmatan kami apabila anda memilih untuk melakukannya
- Memberitahu anda mengenai perubahan kepada perkhidmatan kami
- Memberi isyarat kepada anda sekiranya fail, aplikasi atau e-mel anda mengandungi unsur yang berniat jahat, berpotensi berniat jahat atau spam.

Jika AVG terlibat dalam penggabungan, pemerolehan atau penjualan aset (“Pemerolehan”), AVG akan mematuhi Dasar Privasi ini. Pengguna yang terlibat akan dimaklumkan jika kami memindahkan sebarang PII atau jika PII tertakluk pada dasar privasi yang lain disebabkan Pemerolehan tersebut.

[Kembali ke Atas](#)

Adakah Kami Menggunakan Kuki atau Pengenal Pasti Tanpa Nama yang Lain?

Ya, dalam keadaan tertentu. Anda dapat menemui maklumat menyeluruh tentang cara Tapak AVG menggunakan kuki dan perkhidmatan penjejakan pihak ketiga [di sini](#).

[Kembali ke Atas](#)

Dengan Siapa Kami Kongsi Maklumat Anda?

AVG TECHNOLOGIES SELURUH DUNIA

Memandangkan AVG Technologies adalah syarikat global, kami memberikan maklumat mengenai pengguna Produk AVG kepada pejabat kami di seluruh dunia yang disenaraikan di www.avg.com/contacts. Dengan memberi kami PII, anda bersetuju dengan keupayaan kami untuk menghantar PII kepada Anggota Gabungan kami di seluruh dunia bagi memberikan produk dan perkhidmatan kepada anda. Hal ini boleh termasuk pemindahan data pengguna merentas sempadan. PII dan NPII yang telah diberikan kepada kami boleh diakses oleh pejabat AVG Technologies untuk tujuan pengurusan perhubungan pelanggan dan pemasaran.

PIHAK KETIGA

AVG Technologies tidak menjual atau menyewakan PII anda kepada pihak ketiga. AVG, seperti semua organisasi utama, menggunakan pelbagai rangkaian pihak ketiga yang luas untuk menyediakan perkhidmatan kepada AVG dan kepada anda – sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jika berkaitan, syarikat-syarikat ini perlu mematuhi standard privasi data dan keselamatan maklumat kami semasa mengendalikan data peribadi.

Kami boleh berkongsi PII anda jika kami, dengan niat yang baik, percaya bahawa pendedahan tersebut: a) dibenarkan oleh undang-undang atau perlu untuk mematuhi proses undang-undang yang sah atau untuk memberikan produk atau perkhidmatan yang anda perlukan; b) sebagai respons kepada tuntutan undang-undang; c) diperlukan untuk melindungi dan mempertahankan hak, harta atau kepentingan sah AVG Technologies; d) keperluan untuk melindungi keselamatan peribadi, harta atau hak lain AVG Technologies atau pelanggan atau pekerjanya; e) berkaitan dengan penjualan semua atau sebahagian daripada perniagaan kami atau f) jika tidak, dengan persetujuan daripada anda. Pendedahan itu boleh merangkumi pemindahan PII merentas sempadan.

Jika diwajibkan oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat anda kepada pihak ketiga, kami akan menggunakan usaha yang munasabah secara komersial untuk memberitahu anda lebih awal tentang pendedahan itu kecuali dilarang oleh undang-undang.

PENJUAL SEMULA YANG TERPILIH, PENGEDAR DAN RAKAN-RAKAN KONGSI SALURAN PENGEDARAN LAIN

Dalam keadaan tertentu, kami boleh berkongsi PII anda yang tertentu, seperti kenalan e-mel anda, dengan penjual semula AVG Technologies yang terpilih, pengedar dan rakan-rakan kongsi saluran pengedaran lain. Ini mungkin termasuk pemindahan PII merentas sempadan. Sesetengah daripada mereka mungkin menghubungi anda, bagi pihak kami, mengenai produk, perkhidmatan atau tawaran yang kami percaya adalah penting kepada anda atau perniagaan anda atau untuk memenuhi mana-mana syarat di bawah pelesenan dan hubungan perkhidmatan dengan AVG dan untuk memberikan anda sokongan teknikal dan sokongan pelanggan tempatan. Jika anda menggunakan mana-mana Produk AVG dengan fungsi carian,

kami mungkin berkongsi alamat IP anda dengan pembekal carian untuk memenuhi permintaan carian anda. Sila ambil perhatian bahawa mereka mungkin mempunyai dasar privasi mereka sendiri di mana kami menggalakkan anda untuk membaca dan memahaminya.

[Kembali ke Atas](#)

Hak dan Tanggungjawab

Jika anda telah memberi PII kepada AVG Technologies, anda berhak untuk meminta kami untuk memberi nasihat kepada anda mengenai skop maklumat yang diproses oleh AVG Technologies mengenai anda, tujuan dan sifat pemprosesan, dan maklumat mengenai dengan siapa maklumat ini dikongsi.

Jika anda telah memberikan kami PII anda, anda juga boleh meminta untuk mengemas kini, membetulkan atau memadam (dengan menganggap bahawa hal ini tidak akan memberikan kesan kepada perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda) pada bila-bila masa. Di samping itu anda boleh memilih untuk keluar daripada hubungan pemasaran atas permintaan, seperti yang dijelaskan di bawah. Jika mempunyai sebarang soalan tentang dasar ini atau mana-mana yang di atas, sila e-mel kami di privacy@avg.com atau lihat arahan dalam Produk AVG.

Harap maklum: kami mungkin menolak permintaan yang membahayakan privasi orang lain, yang tidak munasabah atau berulang-ulang, memerlukan usaha teknikal yang tidak seimbang (seperti membangunkan sistem baharu atau secara dasarnya mengubah amalan perniagaan yang sedia ada) atau yang sangat tidak praktikal.

[Kembali ke Atas](#)

Buletin Kemas Kini dan Komunikasi Lain AVG

Sesetengah Produk AVG membolehkan AVG untuk menghantar produk dan mesej perkhidmatan penting ke PC, tablet, telefon mudah alih anda atau peranti lain yang berkenaan semasa anda disambungkan ke Pelayan AVG. Untuk tujuan Dasar Privasi ini, Pelayan AVG yang bermaksud mana-mana pelayan yang berkaitan dengan Produk AVG yang dikendalikan oleh mana-mana syarikat AVG Technologies.

Jika anda tidak mahu terus menerima surat berita e-mel, buletin atau maklumat lain daripada AVG Technologies, anda boleh memilih untuk keluar pada bila-bila masa dengan mengikuti proses menghentikan langganan yang berkaitan seperti yang digariskan dalam e-mel atau surat berita yang berkenaan. Sila maklum bahawa e-mel kami mungkin mengandungi maklumat penting atau berguna mengenai produk AVG anda, termasuk maklumat mengenai nombor lesen anda atau status pesanan atau akaun anda.

[Kembali ke Atas](#)

Pautan kepada Syarikat Lain

Secara berkala, Tapak kami atau Produk AVG kami mungkin mengandungi pautan ke dan dari tapak web atau destinasi luar lain daripada rakan kongsi perniagaan, pengedar, penjual semula, pengiklan atau pihak ketiga lain. Jika anda mengikuti pautan ke mana-mana tapak web ini atau mana-mana destinasi luar yang lain (seperti tawaran di kedai-kedai aplikasi mudah alih dan lain-lain), sila ambil perhatian bahawa tapak web dan destinasi ini mempunyai dasar privasi mereka sendiri. Apabila berada pada tapak-tapak tersebut, anda tertakluk kepada dasarnya. Oleh itu, anda haruslah membaca dan memahaminya sebelum mengemukakan sebarang PII ke tapak-tapak tersebut.

[Kembali ke Atas](#)

Tapak Web Jenama Bersama

Kami boleh juga memautkan kepada tapak web yang berjenama bersama yang diselenggarakan oleh AVG Technologies dan satu atau lebih rakan kongsi perniagaan kami. Sila ambil perhatian bahawa tapak-tapak web perkongsian jenama ini mungkin mempunyai dasar privasi mereka sendiri di mana kami menggalakkan anda untuk membaca dan memahaminya.

[Kembali ke Atas](#)

Keselamatan

AVG Technologies komited untuk mengekalkan keselamatan maklumat di bawah kawalan kami. Untuk mengelakkan akses yang tidak dibenarkan, mengekalkan ketepatan data dan memastikan penggunaan maklumat dengan cara yang betul, kami telah membentuk amalan fizikal, teknikal dan pentadbiran yang diterima industri bagi melindungi dan memastikan keselamatan maklumat yang kami kumpulkan.

[Kembali ke Atas](#)

Perubahan Dasar Privasi

Kami mempunyai hak untuk mengubah Dasar Privasi ini pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, kami akan menekankan perubahan yang telah dilakukan itu dengan menunjukkan di bahagian atas Dasar Privasi tarikh terakhir ia dikemas kini. Kami membuat kemas kini pada Dasar Privasi ini pada tarikh yang dinyatakan di bahagian atas dasar privasi. Pelarasan utama yang dibuat adalah:

- Penjelasan tentang bagaimana kami menguruskan maklumat peribadi yang tidak boleh dikenal pasti
- Penjelasan syarat pemindahan data dan perkongsian pihak ketiga
- Penjelasan tentang cara kami mengendalikan maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti dalam situasi yang melibatkan penggabungan dan pemerolehan
- Penjelasan Tentang Pengenal Pasti Tanpa Nama yang Lain dan penggunaannya, termasuk penjejakan pihak ketiga dan analisaan
- Peruntukan butiran berhubung pemprosesan permintaan maklumat peribadi pelanggan yang boleh dikenal pasti

[Kembali ke Atas](#)

Ikut [pautan ini](#) untuk mengakses versi Dasar Privasi AVG yang terdahulu.